

**ZAKAT EMAS PERHIASAN (AL-HULI): KONSEP DAN
PELAKSANAANNYA DI MALAYSIA**

Marina binti Abu Bakar
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
(UniSHAMS)
marinaabubakar@unishams.edu.my

ABSTRAK

Islam memandang emas sebagai simbol kekayaan harta yang berharga dan mampu berkembang. Oleh sebab emas menjadi ukuran kekayaan, maka Islam mewajibkan zakat ke atas emas. Emas diklasifikasikan sebagai harta yang berpotensi dan berfungsi sebagai alat tukar dari masa ke semasa. Di Malaysia, pelaksanaan zakat emas perhiasan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat yang sedia ada. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis konsep zakat emas perhiasan dan pelaksanaannya di Malaysia. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan metode pengumpulan dokumen. Data-data yang telah dikumpul kemudian dianalisis dengan menggunakan metode analisis kandungan. Kajian ini mendapati bahawa pemilikan ke atas emas mewajibkan zakat dikeluarkan setelah sempurna syarat-syaratnya kerana emas termasuk dalam kategori harta yang bernilai dan bersifat subur. Meskipun institusi-institusi zakat di Malaysia telah melaksanakan zakat emas perhiasan, namun, terdapat pelbagai kaedah pengiraan yang diguna pakai dalam mengira zakat bagi emas perhiasan wanita. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak institusi-institusi zakat untuk menetapkan formula standard dalam menentukan nilai emas terhadap jenis-jenis dan komposisi emas dalam setiap perhiasan.

Kata Kunci:

Zakat Emas, Syarat-syarat, Kaedah Pengiraan, Formula Standard.

Pendahuluan

Emas merupakan sejenis logam yang mempunyai nilai intrinsik dan menjadi simbol kekayaan harta serta mampu berkembang. Pada zaman dahulu, emas digunakan sebagai wang dalam urusan jual beli. Emas-emas ditempa menjadi kepingan berbentuk syiling (*dinar*) dan juga dibentuk menjadi barang perhiasan wanita. Oleh sebab keistimewaan yang dimiliki oleh emas dan menjadi ukuran kekayaan, maka Islam mewajibkan zakat ke atas emas. Syariat Islam memandang emas sebagai harta yang berpotensi kerana selain berfungsi sebagai perhiasan yang indah, emas juga dapat berfungsi sebagai alat tukar dari masa ke semasa. Dalam fiqh pula, emas merupakan penentu nilai (*al-thaman*); nilai harta diukur dengan standard emas. Oleh kerana sifat emas sebagai harta ini sangat jelas, emas turut disebut *al-naqdain* (tunai) atau *al-thamanain* (dua mata wang) yang merupakan alat ukur dan standard nilai. Kewajipan menunaikan zakat emas telah disebut secara terang dan jelas dalam Al-Qur'an, iaitu hukuman azab dijanjikan kepada orang yang enggan mengeluarkan zakat emas. Ibn Qudamah (2003) berpendapat bahawa Allah SWT tidak sesekali menjanjikan azab kepada mereka yang enggan mengeluarkan zakat emas dan perak melainkan zakat emas dan perak telah diwajibkan sebagai mana firman Allah SWT yang berikut:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu”- (al-Tawbah, 9: 34-35)

Kewajipan mengeluarkan zakat emas dan perak juga dapat dilihat melalui hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a:

“Sesiapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakatnya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanaskan oleh neraka. Dengan api itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya”- (Sahih Muslim, 2008).

Imam al-Nawawi (1983) dalam mengulas hadis ini telah berpandangan bahawa jelas hukum wajib bagi zakat emas dan perak tanpa sebarang *khilaf* di kalangan *ulama' fiqh*. Kenyataan ini turut disokong oleh Ibn Qudamah (2003) yang berpandangan bahawa kewajipan zakat emas ini telah diterima secara *ijma'* oleh para *ulama' fiqh*.

Nisab Zakat Emas Menurut Para Fuqaha'

Sewaktu Islam diturunkan, wang perak atau *dirham* banyak digunakan di kalangan masyarakat Arab. Perkara ini merupakan antara faktor mengapa terdapat banyak hadis masyhur yang menyebut tentang dirham berbanding dinar (al-Qaradhawi, 2006). Justeru, kadar *nisab* zakat perak telah menerima persepakatan di kalangan para *fuqaha'*, di mana mereka bersepakat mengatakan bahawa kadar zakat perak adalah dua ratus *dirham*. Situasi ini berbeza dengan emas, yang mana ia menerima perbezaan pandangan di kalangan para *fuqaha'* lantaran tidak terdapat hadis-hadis yang jelas maksud, selain tidak memiliki *sanad* (periwayatan) yang kukuh mengenai kadar zakat emas. Meskipun demikian, majoriti *fuqaha'* berpendapat bahawa *nisab* zakat emas adalah dua puluh *mithqal* (dua puluh dinar) berdasarkan hadis 'Ali bin Abi Talib yang menyebut bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Apabila kamu mempunyai 200 dirham dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya 5 dirham, dan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 dinar. Apabila kamu mempunyai 20 dinar dan telah cukup haulnya diwajibkan zakatnya setengah dinar. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun." - (Abu Daud, 2008).

Ibn Qudamah (2003) berpendapat bahawa para *fuqaha'* secara *ijma'* telah menentukan nisab emas iaitu dua puluh *mithqal* (dua puluh dinar) kerana hanya terdapat satu sahaja riwayat yang menyebut bahawa Hasan al-Basri berpandangan bahawa nisab zakat emas adalah empat puluh *mithqal* (empat puluh dinar). Malah, terdapat juga riwayat lain yang mengatakan bahawa Hasan al-Basri turut sependapat dengan para *fuqaha'* yang lain iaitu nisab zakat emas adalah sebanyak dua puluh *mithqal* (dua puluh dinar) (al-Syawkani, 1973).

Oleh kerana penggunaan mata wang perak atau dirham lebih popular pada zaman permulaan Islam dahulu, maka timbul persoalan di kalangan para *fuqaha'* tentang asas penentuan nisab zakat emas, iaitu dua puluh *mithqal* (dua puluh dinar). Para *fuqaha'* berbeza pendapat sama ada asas penentuan zakat emas ini adalah berasaskan perkiraan emas itu sendiri atau kerana emas tersebut bernilai 200 *dirham*. Dalam permasalahan ini, para *fuqaha'* terbahagi kepada dua golongan, iaitu golongan pertama yang berpandangan bahawa asas penentuan zakat emas adalah mengikut perkiraan emas sendiri, manakala golongan yang kedua berpandangan bahawa asas penentuan zakat emas adalah mengikut harga 200 *dirham*. Walau bagaimanapun, pandangan yang tepat (*rajah*) adalah kadar zakat

emas ditentukan berdasarkan perkiraan emas itu sendiri dan bukan berdasarkan perak iaitu 200 *dirham*. Ringkasan pandangan para *fuqaha'* ini dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 1: Ringkasan Pandangan *Fuqaha'* Tentang Asas Penentuan Nisab Zakat Emas

Golongan <i>Fuqaha'</i>	Pandangan	Dalil-dalil
1. <i>Jumhur fuqaha'</i> (Pandangan <i>Rajih</i>)	Kadar zakat emas ditentukan berdasarkan perkiraan emas sendiri	<p>1. Riwayat Muhammad Abd Rahman al-Ansari: “Dalam surat Rasulullah SAW dan dalam surat ‘Umar r.a tentang zakat (ada disebutkan): Tidak dipungut apa pun daripada emas sehinggalah ia berjumlah 200 dinar. Apabila ia mencapai jumlah 20 dinar maka dikenakan padanya setengah dinar. Sementara perak pula tidak diambil sesuatu daripadanya sehinggalah ia mencapai 200 dirham. Apabila ia mencapai jumlah 200 dirham dikenakan kepadanya lima dirham” (Abu Ubaid, 1989).</p> <p>2. Hadis daripada ‘Amru ibn Syu’aib bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Tidak ada zakat pada yang kurang dari 20 mithqal emas dan tidak ada zakat pada yang kurang dari 200 dirham” (Abu Ubaid, 1989).</p> <p>3. Hadis Ibn ‘Umar dan ‘Aisyah: “Sesungguhnya Nabi s.a.w mengambil dari dinar ke atas (sebanyak) setengah dinar dan dari 40 dinar (sebanyak) satu dinar” (Ibn Majah, 2008).</p> <p>4. Berdasarkan catatan-catatan pada zaman Rasulullah s.a.w,</p>
	Kadar zakat emas ditentukan berdasarkan harga perak sebanyak 200 dirham. Apa sahaja yang	

<p>2. Sebahagian bernilai 200 dirham, manakala apa yang tidak sampai nilai 200 dirham tidak dikenakan zakat.</p>	<p>5. Emas dikenakan zakat atasnya sendiri dan bukan atas harganya (Ibn Qudamah, 2003). Tiada hadis yang sahih daripada Rasulullah SAW yang menyebut tentang perkiraan nisab berdasarkan emas sendiri.</p>
--	--

Sumber: Ibn Qudamah (2003) & al-Qaradhawi (2006)

Klasifikasi Emas Yang Diwajibkan Zakat

Al-Qaradhawi (2006) telah mengklasifikasikan emas kepada dua klasifikasi utama. Semua klasifikasi ini tertakluk kepada syarat-syarat tertentu dikenakan zakat. Klasifikasi tersebut adalah seperti berikut:

1. Emas yang dimiliki sebagai bahan yang belum diproses contohnya jongkong atau dijadikan bahan pertukaran dalam urusan niaga iaitu mata wang.
2. Emas yang dimiliki dalam bentuk barangan contohnya peralatan, barang perhiasan dan barang kemas.

Di Malaysia, institusi zakat telah membahagikan emas yang wajib dikenakan zakat kepada tiga bahagian yang utama; iaitu emas yang disimpan (*ghair al-huli*), emas perhiasan wanita (*al-huli*) dan emas yang dilaburkan (Lembaga Zakat Selangor, 2017; Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, 2017). Meskipun begitu, artikel ini hanya terhad membincangkan tentang kategori yang kedua iaitu zakat emas perhiasan wanita (*al-huli*).

Zakat Emas Perhiasan (*Al-Huli*) Menurut Pandangan *Fuqaha'*

Para *fuqaha'* berbeza pandangan tentang hukum zakat ke atas emas yang digunakan sebagai barang perhiasan wanita. Majoriti *fuqaha'* berpendirian bahawa zakat emas perhiasan adalah tidak wajib. Manakala, minoriti *fuqaha'* pula melihat bahawa zakat emas perhiasan wajib dikeluarkan. Pandangan para *fuqaha'* ini dapat dirumuskan sebagai mana dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Ringkasan Pandangan *Fuqaha'* Tentang Hukum Zakat Emas Perhiasan (*Al-Huli*)

Golongan <i>Fuqaha'</i>	Pandangan	Dalil-dalil
1. Majoriti <i>fuqaha'</i> seperti Ibn Umar, Jabir, Anas, 'Aisyah	Zakat tidak dikenakan ke atas emas yang	1. Tiada dalil syarak yang sah sama ada dalam bentuk nas atau

dan Asma' (di kalangan para sahabat), al-Syu'abi, Qatadah, Muham-mad ibn 'Ali dan 'Amrah. Kemudian, ia menjadi pegangan Imam Malik, al-Syafie, Abu Ubaid, Ishaq dan Abu Thaur.
(Pandangan *Rajih*)

2.Mazhab Hanafi. Pan-dangan ini diriwayatkan daripada Umar ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Abdullah ibn Amru ibn al-As, Sa'id ibn al-Musayyib, Sa'id ibn Jubair, Ata', Mujahid, Abdullah ibn Syaddad, Jabir ibn Zaid, Ibn Sirin, Maimun ibn Mahran al-Zuhri dan al-Thauri.

Zakat tidak dikenakan ke atas emas yang digunakan sebagai barang perhiasan wanita.

qiyas yang menunjukkan bahawa zakat dikenakan atas barang perhiasan (al-Qaradhawi, 2006).

2.Jika emas dijadikan barang perhiasan untuk kegunaan peribadi, ia tidak lagi bersifat subur. Sedangkan, zakat pada dasarnya diambil daripada harta-harta yang subur atau dicadang untuk disuburkan. Berdasarkan asas ini juga, unta dan lembu yang diguna-kan untuk bekerja seperti membajak tidak dikenakan zakat kerana ia tidak lagi digunakan untuk kesuburan sebaliknya untuk tujuan peribadi pemiliknya (al-Qaradhawi, 2006).

1.Maksud umum ayat yang mewajibkan zakat emas, firman Allah SWT:

“Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya. (Iaitu) pada hari dibakar emas perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam,

lalu diselar dengan-nya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): “Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu” (At-Taubah, 9: 34-35)

al-Kasani (2003) berpendapat bahawa ayat di atas ini tidak membezakan antara barang kemas wanita dengan barang jenis emas dan perak yang lain. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa sesiapa sahaja yang memiliki emas dan perak dalam apa jua bentuk sekalipun, jika tidak menge-luarkan zakat, maka akan dikenakan azab oleh Allah SWT.

2.Maksud umum dari hadis Rasulullah s.a.w yang mewajibkan zakat emas:

“Sesiapa sahaja yang menjadi tuan punya emas dan perak dan tidak menunaikan zakat-nya, pada hari kiamat nanti akan disediakan kepadanya hamparan api yang dipanas-kan oleh neraka. Dengan api

itulah akan diselarkan rusuk dan belakangnya” (Sahih Muslim, 2008) Hadis ini juga membawa maksud yang umum, iaitu ke semua jenis emas dan perak tanpa sebarang perbezaan antara barang kemas wanita.

Sumber: Ibn Qudamah (2003) & al-Qaradhawi (2006)

Sementara itu, al-Qaradhawi (2006) pula berpegang bahawa zakat tidak wajib dikenakan ke atas emas perhiasan wanita, kecuali dalam dua situasi. Situasi pertama ialah apabila perhiasan emas yang dibuat bukan untuk dipakai sebaliknya untuk disimpan iaitu dijadikan aset simpanan. Dalam keadaan ini, wajib dikeluarkan zakat ke atasnya kerana emas tersebut telah beralih daripada perhiasan kepada simpanan. Situasi yang kedua pula ialah apabila perhiasan yang dimiliki adalah terlalu banyak sehingga jatuh ke dalam kategori berlebihan dan melebihi kadar biasa yang dipakai oleh wanita setempat (*‘uruf*). Ini kerana sekiranya berlebihan, maka hukumnya dilarang atau tidak digalakkan oleh syariat Islam.

Pelaksanaan Zakat Emas Perhiasan (*Al-Huli*) Di Malaysia

Berdasarkan perbincangan *ulama’* sebelum ini, perhiasan yang dikhususkan untuk pemakaian peribadi (wanita) tidak wajib dikeluarkan zakat melainkan pemilikannya melebihi nilai adat setempat (*‘uruf*). Oleh itu, kaedah menentukan kewajipan zakat emas perhiasan adalah mengikut uruf dan ini ditentukan melalui penyelidikan dan muzakarah jawatankuasa fatwa negeri masing-masing di Malaysia. Walau bagaimanapun, kadar *‘uruf* di setiap negeri-negeri di Malaysia adalah berbeza-beza. Kadar *‘uruf* zakat emas perhiasan di Malaysia dapat diringkaskan seperti yang berikut:

Jadual 3: Kadar Uruf Zakat Emas Perhiasan di Malaysia

Bil Negeri	Uruf Emas Perhiasan	Kenaan Zakat	Perubahan	Fatwa
1. Perak	500 gram	Keseluruhan emas		Telah difatwakan
2. Pulau Pinang	165 gram	Keseluruhan emas		Telah difatwakan
3. Perlis	170 gram	Keseluruhan		Telah

		emas	difatwakan
4. Pahang	500 gram	Keseluruhan	Tiada fatwa
5. Wilayah Persekutuan	800 gram	emas	Telah difatwakan
	800 gram	Lebihan ' <i>uruf</i> '	
6. Selangor		Lebihan ' <i>uruf</i> '	Kajian semula pada tahun 2004.
	850 gram		
7. Johor		Lebihan ' <i>uruf</i> '	Difatwakan 850 gram tetapi amalan yang digunakan 150 gram. Fatwa tidak diwartakan.
	850 gram		
8. Terengganu	170 gram	Lebihan ' <i>uruf</i> '	
	850 gram	Lebihan ' <i>uruf</i> '	Kajian lapangan pada tahun 2009.
9. Kedah	(lama)	Lebihan ' <i>uruf</i> '	Perubahan semasa
	200 gram		
10. Negeri Sembilan	(baru)	Lebihan ' <i>uruf</i> '	
	200 gram		
	RM5,000		
11. Melaka	775 gram	Lebihan ' <i>uruf</i> '	Belum difatwakan kadar baru.
	Tiada	Lebihan ' <i>uruf</i> '	
		Menggunakan nisab zakat emas, 85 gram	
12. Sabah			Telah difatwakan
13. Sarawak			
14. Kelantan			Telah difatwakan

Sumber: Azri Bhari & et.al (2017), Noraini Saro & Tutasting @ Rawi Nordin (2017)

Melihat kepada Jadual 3 di atas, didapati bahawa kadar pengiraan zakat emas perhiasan bagi negeri-negeri di Malaysia adalah tidak seragam. Ketidak-seragaman ini telah menyebabkan terdapat dua kaedah pengiraan yang berbeza bagi zakat emas perhiasaan di Malaysia iaitu:

1. Zakat dikenakan ke atas nilai keseluruhan emas yang melebihi nisab. Kaedah pengiraan ini diaplikasikan di empat buah negeri di Malaysia iaitu Pahang, Perlis, Pulau Pinang dan Perak. Contoh pengiraan zakat menggunakan kaedah ini ialah (Zakat Pulau Pinang MAINPP, 2017):

Fatimah memiliki dan memakai emas sebagai perhiasan diri bernilai RM 20,000.00. Zakat yang dikenakan ke atas Fatimah ialah: $RM\ 20,000.00 \times 2.5\% = RM500$

2. Zakat dikenakan hanya ke atas lebihan uruf sahaja. Kaedah pengiraan ini terpakai di negeri-negeri Wilayah Persekutuan, Selangor, Terengganu, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah dan Sarawak. Contoh pengiraan zakat menggunakan kaedah ini ialah (Lembaga Zakat Selangor, 2017):

Zakiah memiliki emas seberat 900 gram. Kadar uruf emas di negeri Selangor ialah sebanyak 800 gram (kadar uruf semasa)

$[(\text{Berat emas} - \text{Uruf}) \times \text{harga emas semasa} \times 2.5\%]$

$(900\ \text{gram} - 800\ \text{gram}) \times RM\ 144.38 = RM\ 14,438 \times 2.5\% = RM360.95.$

Merujuk kepada kaedah-kaedah pengiraan di atas, walaupun jumlah emas yang dipakai sama tetapi amaun zakat yang perlu dibayar adalah berbeza mengikut amalan dan uruf negeri masing-masing. Ketidakteraturan ini secara tidak langsung membuktikan keperluan kepada kajian lanjutan terhadap kaedah pengiraan zakat emas perhiasan yang lebih seragam di Malaysia. Hasan Bahrom et. al (2013) menyatakan bahawa perlunya ada kesepakatan setiap negeri dalam menentukan kadar berat emas yang perlu dijadikan asas dalam menentukan uruf nisab emas perhiasan supaya kadar tersebut tidaklah jauh berbeza antara negeri lain (Hasan Bahrom et. al 2013). Selain itu, Hamizul (2012) turut menyatakan bahawa perlu diambil perhatian bahawa belum ada formula khusus dan tepat bagi menimbang berat emas perhiasan yang bercampur dengan batu permata dan bahan-bahan lain. Pada masa kini, kaedah yang terbaik mendapatkan berat sebenar emas adalah dengan merujuk kepada resit belian yang disimpan oleh pemilik emas (Hamizul, 2012). Seandainya tiada resit belian, maka perlu ditolak berat batu permata berdasarkan andaian dan pengetahuan pemilik emas.

KESIMPULAN

Pemilikan ke atas emas mewajibkan zakat dikeluarkan setelah sempurna syarat-syaratnya kerana emas termasuk dalam kategori harta yang bernilai dan bersifat subur. Syarak telah menetapkan agar emas yang tidak digunakan dan disimpan, wajib dikeluarkan zakat mengikut garis panduan yang ditetapkan, sementara emas yang diguna sebagai perhiasan wanita wajib dikeluarkan zakat sekiranya bera emas tersebut melebihi adat

pemakaian setempat (*'uruf*). Di Malaysia, pelaksanaan zakat emas perhiasan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi zakat yang sedia ada. Terdapat pelbagai kaedah pengiraan yang diguna pakai dalam mengira zakat bagi emas perhiasan wanita. Justeru, institusi-institusi zakat seharusnya mencari jalan dan formula terbaik menentukan nilai emas terhadap jenis-jenis dan komposisi emas dalam setiap perhiasan. Selain itu, pertimbangan juga perlu diambil kira untuk memiliki mesin pengesan komposisi emas seperti yang terdapat di pusat pajak gadai *ar-rahn*. Ini kerana implikasi daripada penggunaan teknologi yang canggih ini dapat membantu dalam mendapatkan berat emas yang diasingkan dengan berat batu permata tanpa memerlukan resit pembelian pelanggan.

Rujukan***Al-Qur'an al-Karim.***

Abi 'Ubayd al-Qasim bin Salam. (1989), *Kitab al-Amwal*, Beirut: Dar al-Shuruq.

Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath al-Sajistani. (2008). Sunnan Abu Dawud dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.

Azri Bhari, Hazirah Salleh, Baharuddin Sayyin, Mohd Ashrof Zaki Yaakob & Mohammad Mahyuddin Khalid. (2017). *Konsep dan Pelaksanaan Zakat Emas di Malaysia* dlm. Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, editor Najahuddin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.

Hamizul A. Hamid. (2012). *Ekskusif Zakat*, Cet. ke-1. Galeri Ilmu: Kuala Lumpur.

Hasan Baharom, Mohd Sirajuddin Siswadi Putera & Hajar Opir. (2013). *Kaedah Penentuan Uruf Emas Dalam Zakat Perhiasan*, Kertas kerja dalam Pengurusan Zakat Kontemporari. Institut Kajian Zakat (IKaZ), 399-411.

Ibn Majah. (2008). Sunan Ibn Majah dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.

Ibn Qudamah al-Maqdisi. (2003), *Al-Mughni*, Cet. ke-6. Jil. 1. Urdun: Bayt al-Afkar al-Duwaliah.

Lembaga Zakat Selangor. (2017). <http://www.zakat.selangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-emas-perak/> [10 Ogos 2018].

Al-Kasani, al-Imam 'Ala al-Din Abi Bakr bin Mas'ud al-Hanafi. (2003), *Bada'i al-Sana'i*. Cet. ke-2. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muslim, Abu Husayn Muslim bin al-Hajjaj. (2008). Sahih Muslim dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz al-Shaykh. Riyadh: Dar al-Salam.

Al-Nawawi, al-Imam Abi Zakariyya Muhy al-Din bin Sharaf. (1983). *Sharh Sahih Muslim*, Kaherah: Dar al-Fikr.

Noraini Saro & Tutasting @ Rawi Nordin. (2017). *Pengambilan Hukum 'Uruf: Satu Tinjauan Dalam Pemakaian Zakat Emas Perhiasan* dlm. Isu-Isu Kontemporari dalam Zakat, Wakaf dan Filantropi Islam, editor Najahuddin Lateh, Muhamad Rahimi Osman & Ghafarullahuddin Din. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA.

Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. (2017). <http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-emas/> [10 Ogos 2018].

Al-Qaradhawi, Yusuf. (2006). *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. cet. ke-25. Jil. 2. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Syawkani, Muhammad ibn 'Ali ibn Muhammad. (1973). *Nayl al-Awtar*. Beirut: Dar al-Jalil.

ZakatPulauPinangMAINPP.(2017).

<http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/jenis-zakat/zakat-emas-perak>